

PELAN STRATEGIK **POLISAS**

2021 - 2025

POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH



POLITEKNIK
MALAYSIA
SULTAN HAJI AHMAD SHAH

TAGLINE:

YOUR EXCELLENCE, OUR COMMITMENT

MOTO:

ACHIEVING EXCELLENCE IN GLOBAL DEMANDS

VISI:

Menjadi institusi TVET yang unggul

MISI:

1

**Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET
berkualiti dan diiktiraf**

2

**Memperkasakan komuniti melalui pembelajaran sepanjang
hayat**

3

**Membangunkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan
seimbang**

4

**Memantapkan perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan
melalui pemerkasaan penyelidikan dan pembangunan**

POLITEKNIK
MALAYSIA
SULTAN HAJI AHMAD SHAH



TERAS STRATEGI:

1. Menghasilkan graduan TVET berkualiti
2. Memantapkan governan yang responsif dan mampan
3. Pemerksaan bakat
4. Pemantapan Ppogram pengajian
5. Memperkukuh kolaborasi industry, komuniti dan alumni
6. Memperkasa penyelidikan dan inovasi

ISI KANDUNGAN:	MUKA SURAT
PRAKATA PENGARAH	6
PENDAHULUAN	7
SEJARAH PENUBUHAN POLISAS	8
PENCAPAIAN POLISAS	9
Dimensi Pelajar	11
Dimensi Program	11
Dimensi Industri	14
Dimensi Institusi	17
CABARAN POLISAS DENGAN FAKTOR PERSEKITARAN	19
KERANGKA PELAN STRATEGIK POLISAS 2021 - 2025	21
AGENDA PELAN STRATEGIK POLISAS 2021 - 2025	25
PENUTUP	44
Daftar Singkatan	45
Carta Penerbitan Pelan Strategik POLISAS 2021-2025	47

Prakata Pengarah



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) komited merealisasikan inisiatif-inisiatif yang digariskan di bawah Hala Tuju Transformasi Politeknik. Pelbagai kejayaan, pencapaian dan pengiktirafan telah diperolehi di peringkat kebangsaan mahu pun antarabangsa.

Kejayaan mengekalkan Pensijilan *Asia Pacific Accreditation and Certification Commission* (APACC) bertaraf emas sejak tahun 2015 dan kini berada di tangga kedua dari kalangan 10 institusi terbaik di rantau Asia Pasifik merupakan kejayaan yang sangat bermakna dan menggembirakan Warga POLISAS. Penganugerahan itu membuktikan komitmen yang berterusan dan strategi yang berkesan mampu menjadikan POLISAS terus unggul dan berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Kadar kebolehpasaran pelajar sentiasa diberi perhatian bagi memastikan graduan TVET yang dihasilkan adalah berkualiti dan membanggakan. Pelbagai usaha berterusan sentiasa dilaksanakan bagi memastikan pendidikan TVET mampu melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi, berpengetahuan, berinovasi dan mampu menghadapi saingan pada peringkat global dan serantau serta sentiasa relevan dengan keperluan semasa.

Pelan Strategik POLISAS 2021 - 2025 ini diharapkan dapat dijadikan panduan hala tuju institusi dan anjakan pemikiran kepada Warga POLISAS untuk melaksanakan strategi dan tindakan yang terancang. Ini bagi meningkatkan keupayaan POLISAS untuk terus kekal kompetitif dan relevan pada masa ini dan akan datang.

Semangat kerjasama dan toleransi di kalangan Warga POLISAS pastinya mampu merealisasikan aspirasi untuk terus unggul dalam memartabatkan pendidikan TVET dan kepentingannya terhadap pembangunan negara.

HAJAH NOREHAN BINTI SILEK, AAP.

Pengarah

Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah

PENDAHULUAN

Pelan Strategik POLISAS dirangka untuk tempoh 5 tahun bermula 2021 – 2025 merupakan satu dokumen yang akan memberi panduan jelas kepada warga POLISAS untuk terus melaksanakan tindakan yang terancang bagi meningkatkan lagi kualiti pendidikan graduan TVET negara, selari dengan hasrat Lonjakan 4 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) PPPM (PT) iaitu Graduan TVET berkualiti.

POLISAS perlu mempunyai pelan strategik yang lebih efektif dan efisien bagi mengekalkan kecemerlangan terutama pencapaian anugerah emas oleh badan akreditasi antarabangsa (APACC). Pelan ini dirangka berpandukan Pelan Strategik Jabatan Pengajian Politeknik 2018 -2025 yang merupakan kesinambungan pelan strategik sebelum ini yang mencetuskan matlamat hala tuju yang akan mengemudi POLISAS secara terancang melalui inisiatif dan tindakan yang bertunjangkan teras strategik.

Pelaksanaan pelan ini akan dipantau secara berterusan agar warga POLISAS sentiasa peka kepada komitmen pencapaian prestasi. Penambahbaikan berterusan akan dilaksanakan dalam usaha penyelesaian masalah bagi mengatasi isu-isu yang dihadapi. Dengan komitmen padu warga POLISAS, aspirasi dan cita-cita kerajaan untuk melahirkan dan membangunkan modal insan yang berkualiti dan bertaraf dunia akan dapat dicapai.

POLISAS menyahut seruan kerajaan ini dan beriltizam dengan penuh tanggungjawab merealisasikan aspirasi ini dengan menjana bidang pemberian latihan separa profesional berlandaskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Misi dan Visi Kementerian Pengajian Tinggi.

SEJARAH PENUBUHAN POLISAS

Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) merupakan politeknik kedua yang ditubuhkan pada tahun 1976. Pada awalnya ia beroperasi di Sekolah Menengah Teknik Kuantan sebagai kampus sementara dan dikenali sebagai Politeknik Kuantan. Pada tahun 1983, Politeknik Kuantan telah berpindah ke kampus baharu di Semambu di atas tapak seluas 97 hektar dan telah dibuka dengan rasminya oleh KDYMM Sultan Pahang pada 9 November 1985. Selepas itu, ia telah dikenali dengan nama Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah.

Selaras dengan perkembangan teknologi, penubuhan POLISAS merupakan satu langkah kerajaan bagi menambah bilangan tenaga terlatih bertujuan untuk mendidik dan melatih lepasan SPM dan SPM (V) bagi memenuhi keperluan tenaga kerja separa profesional dalam bidang kejuruteraan dan perdagangan. Usaha ini juga adalah selari dengan hasrat menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang 2050.

Sehingga kini terdapat 36 buah politeknik di seluruh Malaysia. POLISAS menawarkan 14 program pengajian di bawah lima Jabatan utama iaitu Jabatan Kejuruteraan Awam, Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Perdagangan dan Jabatan Teknologi Makanan. Enrolmen pelajar semasa bagi sesi Jun 2020 ialah seramai 5855 orang. POLISAS juga mempunyai seramai 532 orang staf yang terdiri dari 403 staf akademik dan 129 orang staf sokongan akademik. Sehingga 2019, POLISAS telah melahirkan seramai 51,534 orang graduan.

Bagi memastikan kecemerlangan berterusan, POLISAS sentiasa berusaha mempertingkatkan aspek pengurusan kualiti. POLISAS kini telah dianugerahkan Sijil MS ISO 9001: 2015, Sistem Pengurusan dan Kesihatan Pekerjaan OHSAS 9001:2017 & MS 1722:2011 dan Akreditasi APACC Tahap Emas. POLISAS juga turut diiktiraf sebagai Pusat Latihan *The Chartered Institute of Logistics and Transport* (CILT), Penyedia Latihan Halal yang berdaftar di bawah Majlis Profesional Halal, Sekolah Latihan Pengendali Makanan dan Penyedia Latihan Berdaftar HRDF. Kecemerlangan ini sentiasa dipertingkatkan bagi menghasilkan graduan yang holistik dan berdaya saing dalam arus globalisasi masa kini.

PENCAPAIAN POLISAS
(Zamra, Jehan, Hasly & Yati)

Sejajar dengan transformasi politeknik fasa pemeraksanaan, POLISAS telah melakar kejayaan dalam pelbagai bidang melalui Perancangan Pelan Strategik 2016 - 2020. Kemampanan jaringan kolaborasi bersama industri dan komuniti telah dibuktikan melalui penglibatan staf, pelajar dan industri secara aktif dalam kegiatan kesukarelawanan dengan memberi khidmat bakti dan sumbangan kepada komuniti melalui program-program *Corporate Social Responsibility* (CSR). Jadual 1 menunjukkan sebahagian daripada program CSR yang telah memberi impak positif kepada komuniti. Impak positif ini diukur melalui pelbagai aspek termasuk faedah, *replication* dan penjaan pendapatan kepada komuniti setempat.

Jadual 1: Program CSR POLISAS

Bil	Nama Program	Benefisiari	Program Outcome
1.	CSR Pusat Penjagaan Kucing Hajjah Maimunah	Kucing di Pusat Penjagaan Kucing Hajjah Maimunah	Membina dan mengubahsuai rumah kucing supaya dapat menyediakan tempat kediaman kucing yang lebih luas dan selesa bagi menempatkan lebih banyak Kucing yang terbiar.
2.	<i>POLYHOME 08</i>	Penduduk Kg. Felda Tenang Hulu, Besut Terengganu.	Membina sebuah rumah baru satu tingkat berukuran 20 kaki x 30 kaki dengan 3 bilik tidur dan 1 bilik air yang lebih selesa untuk satu keluarga.
3.	Karnival Literasi Astronomi & Kesenian Islam 2016	Masyarakat sekitar.	100 orang peserta yang terdiri daripada komuniti dan pelajar mendapat pendedahan dan kepentingan ilmu astronomi serta pengetahuan tentang kaedah pencerapan langit malam dan dapat mempraktikkannya dalam persekitaran masyarakat masing-masing.
4.	<i>POLISAS Industrial Engagement Day 2016</i> - Taklimat HRDF - Temuduga Terbuka	HRDF, masyarakat sekitar, alumni, agensi/industri luar dan pelajar POLISAS.	50 buah syarikat dapat memahami tentang geran latihan dan juga skim-skim yang diwujudkan oleh pihak HRDF bagi latihan dan peningkatan kemahiran pekerja di syarikat berkenaan. Seramai 154 alumni POLISAS dan 329 komuniti setempat POLISAS dilantik sebagai Training Provider Centre oleh HRDF.
5.	Aktiviti CSR di Rohingya Education Centre Kuantan	<i>Rohingya Education Centre</i>	Menggunakan bilik kelas yang selesa serta pendidikan yang lebih baik dan mendapat penajaan dalam bentuk kewangan untuk 120 orang anak pelarian Rohinya.
6.	YS2P 2017 & 2018	NGO / Persatuan	Sebanyak 47 NGO/Persatuan menerima sumbangan bagi keperluan badan berkenaan.
7.	Touch Point Cabinet Away	Kampung Parlimen Kuantan dan Indera Mahkota.	Membina 22 buah rumah untuk 30 orang penduduk kampung mendapat kediaman yang lebih selesa dengan pendawaian elektrik dan sistem perpaipan yang lebih sempurna.

PELAN STRATEGIK 2021 - 2025 | POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH

Bil	Nama Program	Benefisiari	Program Outcome
8.	Duta Jauhar 4.0	Penduduk Kg. Bumbun.	Satu alternatif kepada penduduk kampung bagi mendapatkan bekalan makanan yang sihat daripada sistem aquaponik di samping dapat melahirkan “satu penduduk satu perniagaan” seterusnya dapat meningkatkan taraf ekonomi penduduk kampung dengan menjual hasil tanaman yang diperoleh dari sistem tanaman aquaponik.
9.	English Language Camp 2017: Embrace, Engage, Empower.	Pelajar dari Thailand	150 orang pelajar dari Thailand memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman dengan mempraktikkan kemahiran social, soft skill dan berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dengan lebih baik.
10.	Program Pengantarabangsaan dan Kolaborasi JKA bersama Universitas Syiah Kuala, Banda Aceh, Indonesia. CSR ‘Healthy Kids Community’	Pelajar Universitas Syiah Kuala, Banda Aceh, Indonesia. Penduduk Desa Lambaro Skep.	Seramai 70 orang pelajar dan staf terlibat. Mewujudkan satu platform perkongsian ilmu dan kepakaran daripada kedua-dua institusi untuk mempromosikan bangunan-bangunan bersejarah serta menjalin hubungan murni antara kedua pihak. Sumbangan berbentuk wang ringgit, makanan, pakaian dan cenderahati.
11.	Bengkel Perkongsian Ilmu Aplikasi Teknologi Rekabentuk Elektrik	Guru Teknologi Rekabentuk Elektrik Negeri Pahang	Berkongsi dengan pelajar KSSM Tingkatan 2 Zon Timur tahun 2018 dan 113 guru sekolah tentang pengetahuan dan ilmu aplikasi Teknologi Rekabentuk Elektrik.
12.	KPT4U i. Program Operasi Khidmat Masyarakat dan CSR tahun 2018 (KETEMA) ii. Mini Karnival iii. CSR	Kampung Sungai Mas. Penduduk sekitar Permatang Badak Penduduk kampung Bukit Kuin 1 & 2 Batu Sawar.	600 orang penduduk kampung dapat berkongsi ilmu berkenaan personal Hygiene, penghasilan jem, lollipop dan sos cili. Penduduk kampung dapat menggunakan surau yang cantik dan bersih. Tempat kediaman yang lebih selesa dengan sistem pendawaian elektrik yang lebih tersusun. Kawasan persekitaran kediaman yang lebih ceria dilengkapi dengan lanskap dan pembinaan sistem aquaphonic yang menarik. Penduduk kampung dapat perkongsian ilmu untuk penghasilan jem nenas/betik, sos cili/tomato dan penghasilan lollipop.
13.	International Students Exchange Programme in Practical Accounting	SKC Thailand students	Melibatkan penyertaan 7 staf and 13 orang pelajar SKC Thailand Meningkatkan pengetahuan dalam bidang perakaunan, Kebudayaan dan Conservation.
14.	SMK Semambu ENGLISH FUN DAY	Pelajar Tingkatan 5 SMK Semambu	Menyediakan platform kepada 60 orang pelajar untuk mempelajari dan mempraktikkan Bahasa Inggeris di luar kelas selain memupuk keyakinan diri mereka.
15.	Program Pengantarabangsaan Green-Tech Trip JKA	Politeknik Negeri Bali, Green Village Buluh, Indonesia.	Perkongsian ilmu green tech antara pelajar dan staf POLISAS dengan Politeknik Bali. Mampu menjana minda pelajar untuk lebih kreatif dan berdaya saing bagi memperluaskan pengetahuan dalam bidang penyelidikan dan inovasi.
16.	Bengkel Pengurusan Amali Mekatronik KSSM Tingkatan 3	Jurulatih Utama Zon 1 negeri Pahang	Jurulatih utama dapat menyampaikan ilmu pengetahuan yang sebenar berkaitan matapelajaran Mekatronik kepada guru sekolah.

POLISAS juga telah melakar pelbagai kejayaan yang merangkumi dimensi program, pelajar, industri, institusi dan staf.

Dimensi Program

POLISAS diterajui oleh lima (5) jabatan utama dan dua (2) jabatan sokongan (Rujuk Rajah 1). Bagi memenuhi keperluan industri, POLISAS telah menawarkan 14 program pengajian pada setiap sesi pembelajaran yang sentiasa mendapat permintaan yang tinggi daripada pelajar lepasan SPM. Ini telah disokong dengan adanya kolaborasi strategik di antara POLISAS dan sekolah-sekolah sekitar Kuantan bagi memenuhi petunjuk kejayaan iaitu 50% pelajar lepasan SPM memilih politeknik sebagai pilihan utama bagi melanjutkan pengajian.



Rajah 1: Jabatan Akademik POLISAS


Dimensi Pelajar

Selain daripada menjalani latihan praktikal di industri, pelajar juga didedahkan kepada tugas sebenar di alam pekerjaan melalui penglibatan industri di dalam kampus melalui pogram Industry on Campus (IOC) seperti Accounting@POLISAS. Dalam usaha menghasilkan tenaga kerja yang kompeten, POLISAS juga telah menyediakan Program Pensijilan Profesional sebagai nilai tambah kepada pelajar semester akhir. Di antara pensijilan profesional yang telah diperoleh oleh pelajar POLISAS adalah seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 2.

Jadual 2: Senarai Kursus Persijilan Profesional

BIL	KURSUS	TEMPAT	TARIKH	PESERTA
1.	Sijil Pengendali Makanan bagi tahun 2019	Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah	Sepanjang 2019	199 Orang
2.	Program Halal Eksekutif Siri 1/2019	Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah	22.04.2019 - 26.04.2019	46 Orang
3.	Program Halal Eksekutif Siri 3/2019	Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah	21.10.2019 - 25.10.2019	46 Orang
4.	Member of Chartered Institute of Logistics and Transport (MILT)	Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah	2016 - 2019	86 Orang

Lonjakan fasa pemerksaan telah ditonjolkan oleh kadar kebolehpasaran graduan yang cemerlang melepasi KPI JPKK iaitu 90% dan kadar responden yang melebihi 85% untuk tempoh 2016-2020 seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 2 di bawah.



Rajah 2: Peratus Kebolehpasaran Graduan

Pelajar-pelajar telah dilibatkan secara aktif di peringkat komuniti, kebangsaan dan antarabangsa di dalam program kesukarelawan, CSR dan pertukaran pelajar. Rajah 3 di bawah adalah program pertukaran pelajar POLISAS ke Universitas of PGRI Madium, Indonesia. Terdapat program-program yang melibatkan pelajar POLISAS melaksanakan aktiviti kesukarelawan di Politeknik Bali, Universitas Syiah Banda Aceh, Kemboja dan Thailand.

4th SEA TVET Student Exchange

- 2 outbound students to Universitas of PGRI Madiun (UNIPMA), Indonesia
 - Blunder Chokro Madiun Factory (Finest cookies)
- 4 inbound students: 2 from Thailand and 2 from Indonesia



Rajah 3: Pertukaran Pelajar di Indonesia



Kecemerlangan pelajar POLISAS dalam akademik dan kokurikulum terserlah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Rajah 4 menunjukkan kejayaan Pasukan Robotik merangkul 3 emas, 1 perak dan 4 gangsa di peringkat kebangsaan dan seterusnya melayakkan mereka ke 24th FIRA Roboworld Cup Korea 2019.

Rajah 4: Pasukan Robotik POLISAS

Pelajar-pelajar Program e-Commerce juga telah berjaya ke *International Competition and Exhibition on Computing Innovation 2019 (ICE-CINNO)* dengan menggondol 2 pingat emas di peringkat antarabangsa.

Dimensi Industri

Bagi meningkatkan lagi nilai tambah program pengajian sedia ada, POLISAS telah menjalin kerjasama dan kolaborasi dengan 88 buah industri dan organisasi luar seperti di dalam Rajah 5.

KOLABORASI INDUSTRI		
Bil	Tahun	Bilangan
1	2012-2015	26
2	2016	26
3	2017	1
4	2018	20
5	2019	8
6	2020	7
	JUMLAH	88



In collaboration with:

- PKT Logistics Sdn. Bhd.
- Malaysia Polytechnic Entrepreneurship Centre(MPEC)
- Feruni Chermiche Sdn. Bhd.
- Other Industrial Partners

Objective:

- Encourage and inspire students to involve in social entrepreneur program.
- Contribute the profit to local community or charity body

Impact:

- Listed in The Malaysia Book of Record with 885 participants
- 10 charity bodies/local communities received monetary fund/equipment/skill total up to RM103,879.70

Rajah 5: Kolaborasi Industri

Walaupun berdepan cabaran dalam menangani isu pandemik Covid-19, POLISAS masih mampu menjalinkan jaringan kolaborasi bersama 7 industri seperti di dalam Jadual 6. Majlis menandatangani kolaborasi diadakan melalui dua medium, secara bersemuka dan dalam talian.

Jadual 6: Kolaborasi Industri Tahun 2020

BIL	INDUSTRI	JABATAN
1.	PKT Every24 Logistics Sdn. Bhd.	Jabatan Perdagangan & Jabatan Teknologi Makanan
2.	Seikou Systec Sdn. Bhd.	Jabatan Kejuruteraan Elektrik
3.	Zul Design Autotronic Sdn. Bhd.	Jabatan Kejuruteraan Elektrik
4.	Johan Astaka Sdn. Bhd.	Jabatan Kejuruteraan Awam
5.	Global Lab Engineering	Jabatan Kejuruteraan Awam
6.	Akie Group Sdn. Bhd	Jabatan Teknologi Makanan
7.	Ortus Food Sdn.Bhd	Jabatan Teknologi Makanan

Indikator pemeraksanaan mengambilkira aktiviti berimpak tinggi bersama industri. Jadual 5 dan Rajah 6 menunjukkan beberapa aktiviti kolaborasi berimpak tinggi yang telah dijalankan di POLISAS.


Jadual 5: Aktiviti Kolaborasi Impak Tinggi

Nama Industri	Bidang	Aktiviti
PKT Logistics Group Sdn Bhd	Logistik & Warehouse	DMT Scholarship awards for 5 years worths RM1.2 millions
QSR Brands (M) Holdings Sdn Bhd	Leading Malaysia's retail food industry	Live broadcasting MyHalal Program in POLISAS for TV1
Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF)	Pembangunan Sumber Manusia Berhad	Program "Jom Guna Levi" for trainers provider and SMEs industries
ISUZU Hicom Malaysia Sdn Bhd	ISUZU Hicom Malaysia Sdn Bhd	Practical training provider for staffs and students
Chartered Institute of Logistics and Transportation	Professional body in Logistics and Transportation	58 students receive their professional certificate during CILT Convocation 2019
Jobs Malaysia	Government agency for job seekers	POLISAS Job Hunting every year
SAHABAT Excellence Sdn Bhd	Provide service and knowledge transfer to accounting students to help SMEs	Set up Accounting Firm@POLISAS Industry on campus




Rajah 6: Aktiviti Berimpak Tinggi bersama HRDF

Staf akademik turut aktif dalam pembentangan penyelidikan dan pertandingan inovasi di peringkat antarabangsa, kebangsaan dan institusi (Rujuk Rajah 7 dan Rajah 8). Sepanjang tahun 2017 hingga 2020, sebanyak 156 kertas penyelidikan dan 96 projek inovasi telah dibentangkan dan dipertandingkan di pelbagai peringkat. Manakala 9 penyelidikan telah mendapat geran PPRN bernilai RM 290,309.00 (Rujuk Jadual 6) dan 2 penyelidikan telah mendapat geran di bawah TARGS bernilai RM135,000.00 (Rujuk Jadual 7).



Rajah 7: Jumlah Penerbitan Bagi Tahun 2017 hingga 2020



Rajah 8: Jumlah Inovasi Bagi Tahun 2017 hingga 2020

Jadual 6: Penyelidikan yang berjaya memperolehi geran PPRN

WARRANT		Projects	Total (RM)	Overall Total
Public Private Research Network (PPRN)	Public Private Research Network (PPRN) 2015-2019	Onion Peeler Machine	36,000.00	290,309.00
		Reducing Excessive Oil and Keeping Quality Peneram During Storage	31,050.00	
		Potato Peeler & Cutter Machine and Improving 'Rempeyek' Quality	30,150.00	
		Extend Shelf-Life 'Bergedil'	18,000.00	
		Biscuit Semi Automatic Forming Machine	25,249.00	
		Premix Flour Weighing Machine	35,000.00	
		Automatic Carton Folding Machine	38,610.00	
		Semi-Automatic Mixer & Low Pressure Steam Generator For Mushroom Production	41,250.00	
		Dates Deseeding Machine	35,000.00	



Jadual 7: Penyelidikan yang berjaya memperolehi geran T-ARGS

WARRANT		Projects	Total (RM)	Overall Total
TVET Applied Research Grant Scheme (T-ARGS)	TVET Applied Research Grant Scheme (T-ARGS) 2019	Pembangunan Prototaip Mesin Penggaul Media Bongkah Cendawan Automatik	78,000.00	135,000.00
		Mesin Pembelah Ikan Semi Automatik Bagi Penghasilan Produk Ikan Masin	57,000.00	

Dimensi Institusi

POLISAS menunjukkan komitmen yang jitu dalam melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti bermula pada tahun 2000 bagi meningkatkan potensi pelajar ke arah kecemerlangan dalam bidang kejuruteraan, perdagangan dan teknologi makanan. Pada Januari 2018, POLISAS telah menggunakan sistem pengurusan kualiti berdasarkan piawaian baru iaitu MS ISO 9001:2015 dalam usaha meningkatkan prestasi seiring dengan hala tuju politeknik. Manakala pada 2019, POLISAS sekali lagi telah memperolehi anugerah Emas di atas pengiktirafan APACC yang bertaraf global dan ianya sah sehingga 24 Oktober 2023.

POLISAS juga sangat komited dalam mewujudkan budaya penambahbaikan kerja yang berterusan dan persekitaran kerja yang bersih, selesa dan selamat bagi

memastikan perkhidmatan yang cekap dan berkesan melalui pengiktirafan Amalan Persekitaran Berkualiti (QE 5S) dan Sistem Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SPKKP). Secara rasminya pelaksanaan QE 5S telah digunapakai bermula 2012 dan SPKKP di POLISAS telah beroperasi semenjak 2015. POLISAS merupakan institusi pendidikan pertama yang mendapat pengiktirafan menyeluruh persijilan OHSAS 18001:2007 dan MS1722:2011. Pada Oktober 2020, POLISAS telah mendapat persijilan ISO 45001:2018 menggantikan piawaian lama yang tamat tempoh pada 2021.



CABARAN POLISAS DENGAN FAKTOR PERSEKITARAN

Lokasi POLISAS yang terletak di Kuantan iaitu ibu negeri Pahang, merupakan salah sebuah politeknik berkedudukan strategik kerana institusi ini berada di kawasan pembangunan perindustrian dan pelancongan di Koridor Pantai Timur atau *East Cost Economic Region* (ECER). Kawasan ini yang lebih dikenali sebagai Wilayah Ekonomi Pantai Timur merangkumi projek-projek berskala besar seperti *Malaysia-China Kuantan Industrial Park* (MCKIP), *Pekan Automatif Park* (PAP), *Pahang Technology Park* dan *Gambang Halal Park*. Di samping itu, peranan negeri Darul Makmur sebagai pemacu industri 4.0 di ECER serta pusat kecemerlangan teknologi pintar (ACES) di Asia merupakan tanda yang signifikan negeri pantai timur ini. Tambahan pula dengan adanya penaiktarafan Pelabuhan Kuantan sebagai pelabuhan air dalam (*deepwater*) memudahkan pengembangan perdagangan antarabangsa serta pengembangan pesat kluster logistik dan perkhidmatan ECER dimana para pelabur boleh menjadikan Kuantan sebagai pintu masuk utama ke pasaran Asia Pasifik.

ECER juga diharap dapat mengubah negeri Pahang menjadi destinasi utama pelancongan tempatan dan antarabangsa, pengeksport sumber asli dan produk pembuatan, pusat perdagangan pesat dan hub logistik serta infrastruktur. Objektif-objektif ini dapat direalisasikan dengan pelaksanaan langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan pendapatan serta pengagihan sumber pendapatan secara sama rata kepada rakyat.

Selari dengan pelan ECER, Pahang mengambil inisiatif yang proaktif untuk menjayakan matlamat yang perlu dicapai mengikut perancangan projek tersebut. Selain dikenali dengan warisan kebudayaan yang kaya dan tersendiri termasuk tenunan tangan yang dikenali sebagai Tenun Pahang Di Raja, negeri ini juga terkenal dengan industri pemasangan automatif dari pengeluar-pengeluar antarabangsa termasuk Mercedes-Benz yang berpusat di Taman Automatif Pekan, selain berfungsi sebagai pusat pengedaran, serta pembangunan aktiviti-aktiviti reka bentuk dengan sokongan daripada institusi pendidikan yang berdekatan. Sejurus dengan itu, POLISAS dapat membantu merancakkan industri ini dengan membekal tenaga kerja separa profesional, memberi latihan (*upskilling & reskilling*) dan kerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan.

Inisiatif kerajaan negeri dalam membangunkan Bandar Pelabuhan Kuantan, Zon Perindustrian Gebeng dan membina Terminal Logistik Bersepadu Tanjung Agas Pekan untuk menjadi zon perindustrian dan terminal bersepadu serta hab logistik bagi petrokimia, perlombongan besi, minyak sawit, automotif dan kontena Aktiviti ekonomi ini dapat membuka peluang kepada graduan POLISAS untuk menyumbang dalam


industri ini. Ini kerana POLISAS sentiasa berusaha memenuhi kehendak industri melalui kurikulumnya yang relevan dan dinamik.

Usaha sama kerajaan negeri Pahang dan negara China melalui penubuhan MCKIP yang mempunyai status *national accorded* yang dipacu oleh sektor swasta dengan pemantauan rapi dari pihak kerajaan sedang giat beroperasi di Kuantan. Tiga (3) projek diberikan penumpuan iaitu industri besi, aluminium dan penapisan minyak sawit. Kolaborasi di antara konsortium Malaysia dan China dilaksanakan bagi membiayai projek dan perkhidmatan perundingan untuk projek MCKIP. POLISAS melalui program-program di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektikal dan Perdagangan akan menjadi penyumbang utama membekalkan tenaga kerja kepada MCKIP, sekaligus mengukuhkan lagi usaha kerjasama China dan Malaysia.

Sejajar dengan pelan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), Pahang bersedia untuk menjadi hab makanan halal antarabangsa dari segi penjenamaan, pemprosesan dan pemasaran makanan halal dengan pembangunan Taman Halal Pahang di Taman Teknologi Pahang, Gambang, Kuantan. Industri makanan halal mempunyai peluang yang sangat besar untuk pembagunan negeri Pahang kerana Malaysia mempunyai pasaran domestik makanan halal di mana majoriti penduduk adalah beragama Islam. Dengan unjuran penduduk Islam dunia ketika ini mencapai 2 bilion, pasaran global untuk makanan halal dianggarkan sebanyak 547 bilion US Dollar setahun. Program Teknologi Makanan yang menumpukan juga kepada pengurusan halal menjadi bidang tujuan dan *Centre of Technology* (CoT) POLISAS diyakini dapat menjadi penyumbang utama dalam menerajui seterusnya merealisasikan usaha murni kerajaan negeri Pahang ini. Tambahan pula, industri makanan halal juga disokong oleh agensi kerajaan seperti *Halal Industry Development Corporation Sdn Bhd* (HDC) yang berfungsi untuk memperakui produk makanan halal. Bagi memastikan kualiti produk halal, kerajaan melalui SIRIM Berhad telah memperkenalkan Pensijilan Makanan Halal MS1500: 2004. Memandangkan potensi industri makanan halal adalah tinggi, kerajaan terus menaik taraf keupayaan kakitangannya yang berkaitan melalui latihan di institusi-institusi latihan awam dan swasta. Bagi memenuhi keperluan ini, POLISAS mengambil langkah proaktif dalam perancangan penawaran program Diploma Teknologi Makanan (Pengurusan Halal).



KERANGKA PELAN STRATEGIK POLISAS 2021-2025



Sumber: Pelan Strategik Politeknik dan kolej Komuniti 2018 - 2025

VISI	Menjadi institusi TVET yang unggul
MISI	i. Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf ii. Memperkasakan komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat iii. Membangunkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang iv. Memantapkan perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan melalui pemerkasaan penyelidikan dan pembangunan (RnD)

TERAS 1	MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI
Keberhasilan: • Graduan yang berkemahiran tinggi dan bekerja pada tahun konvokesyen meningkat • Graduan menjadi Teknopreneur • Generasi TVET dengan kemahiran abad ke 21	Strategik: A Menghasilkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran tinggi. B Menambah baik ekosistem keusahawanan. C Membangunkan graduan TVET berciri warga global. Memenuhi keperluan: a. PPPM (PT) ⇒ Lonjakan 1: Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang ⇒ Lonjakan 3: Pembelajaran Sepanjang Hayat b. APACC ⇒ <i>Criterion vi: Resources</i> ⇒ <i>Criterion vii: Support to Student</i> c. MQA ⇒ <i>Area 4: Student Selection and Support Services</i> ⇒ <i>Area 6: Educational Resources</i> d. PERSIST ⇒ KPI 1 Peratus kebolehpasaran graduan Politeknik dan Kolej Komuniti pada tahun konvokesyen ⇒ KPI 2 Peratus graduan yang menceburi bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian dalam tempoh 12 bulan
TERAS 2	MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN
Keberhasilan: • Kesediaan ke arah 4IR • POLISAS menjadi pilihan pertama pelajar • Pelaksanaan <i>lean management</i> menambah kecekapan pengurusan • menawarkan ruang kerja, pembelajaran, yang selamat • POLISAS dilengkapi dengan kemudahan dan fasiliti terkini • POLISAS mampu beroperasi dengan kekangan yang minimum	Strategik: A Memperkasa institusi TVET berpacuan 4IR B Memperkukuh pengurusan kewangan yang cekap, berhemat dan mampan. Memenuhi keperluan: a. PPPM (PT) ⇒ Lonjakan 5: Kemampunan Kewangan ⇒ Lonjakan 6: Kemampunan Tadbir Urus b. APACC ⇒ <i>Criterion i: Governance and Management</i> ⇒ <i>Criterion iii: Faculty and Staff</i> c. MQA ⇒ <i>Area 1: Vision, Mission, Educational Goals and Learning Outcomes</i> ⇒ <i>Area 8: Leadership, Governance and Administration</i> d. BUSSINESS PLAN ⇒ KPI 4 Peratus institusi yang mencapai <i>Overall Equipment Efficiency</i> (OEE) berdasarkan skor melebihi 85% pada tahun semasa ⇒ KPI 5 Purata skor yang dicapai hasil daripada Pemantauan Kesepunyaan dan Keserakanan (PK&K) di institusi pada tahun semasa ⇒ KPI 6 Bilangan pengiktirafan daripada badan/agensi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa ⇒ KPI 7 Bilangan <i>Centre Of Technology</i> (COT) Politeknik diiktiraf mendapat penarafan 2 bintang

	e. PERSIST ⇒ KPI 9 Bilangan program/aktiviti yang dihebahkan melalui media sosial jabatan/institusi pada tahun semasa ⇒ KPI 10 Peratus prestasi perbelanjaan bagi waran Peruntukan Pembangunan (P64) yang dicapai oleh jabatan pada tahun semasa ⇒ KPI 11 Peratus prestasi perbelanjaan mengurus 99% bagi tahun semasa ⇒ KPI 12 Peratus prestasi pengurusan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas dokumen lengkap diterima
TERAS 3	PEMERKASAAN BAKAT
Keberhasilan: Menghasilkan kelompok bakat yang mempunyai pengalaman industri serta kepakaran mendepani 4IR	Strategik: Melahirkan warga kerja yang efektif melalui program pembangunan bakat jangka panjang yang komprehensif. Memenuhi keperluan: a. PPPM (PT) ⇒ Lonjakan 2: Kecemerlangan Bakat b. APACC ⇒ <i>Criterion iii: Faculty and Staff</i> c. MQA ⇒ <i>Area 5: Academic Staff</i> d. PERSIST ⇒ KPI 13 Peratus pensyarah bagi kursus teras bidang di institusi yang memiliki kemahiran industri pada tahun semasa
TERAS 4	PEMANTAPAN PROGRAM PENGAJIAN
Keberhasilan: • Program pengajian relevan dengan kehendak industri • PdP dengan penerapan amalan pedagogi abad ke-21 • mengiktiraf pengalaman dan pendidikan terdahulu • Institusi rujukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi pengiktirafan akreditasi	Strategik: A. Mentransformasi program pengajian menepati permintaan industri. B. Meningkatkan keberkesanan mekanisma penyampaian. C. Memperluas akses pembelajaran. D. Mendapatkan pengiktirafan dan/ atau akreditasi Memenuhi keperluan: a. PPPM (PT) ⇒ Lonjakan 9: <i>Global Online Learning</i> b. APACC ⇒ <i>Criterion ii: Teaching & Learning</i> c. MQA ⇒ <i>Area 6: Educational Resources</i> d. KAMUS KPI 2021 ⇒ KPI 15 Bilangan siri Webinar TVET berfokuskan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) TVET yang dilaksanakan secara dalam talian pada tahun semasa ⇒ KPI 16 Bilangan program pengajian yang diintegrasikan mengikut model <i>intra-programme, inter-programme</i> atau <i>inter-institution</i> ⇒ KPI 17 Bilangan pensyarah yang dilantik sebagai Pensyarah Rujukan Pembinaan Item Penilaian (PRiP) mengikut program pengajian pada tahun semasa ⇒ KPI 18 Peratus bilangan kursus peperiksaan akhir yang digubal secara dalam talian ⇒ KPI 19 Bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi

TERAS 5	MEMPERKUKUH KOLABORASI INDUSTRI, KOMUNITI DAN ALUMNI
Keberhasilan: - Kolaborasi berimpak tinggi dengan industri berciri 4IR - Menjadi tempat 1 <i>Stop Centre Skills Community</i> - Pelajar berkemahiran, holistik dan seimbang.	Strategik: A Memperkukuh jaringan industri-institusi TVET. B Memperkasa komuniti pintar. C Memperkukuh hubungan dengan alumni. Memenuhi keperluan: a. PPPM (PT) ⇒ Lonjakan 7: Ekosistem Inovasi b. APACC ⇒ <i>Criterion iv: Research & Development</i> c. MQA ⇒ <i>Area 6: Educational Resources</i> d. PERSIST ⇒ KPI 19 Bilangan industri yang bekerjasama dengan institusi bagi menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi ⇒ KPI 20 Bilangan penyertaan program PSH di institusi pada tahun semasa
TERAS 6	MEMPERKASA PENYELIDIKAN DAN INOVASI
Keberhasilan: Peningkatan penajaan nilai inovasi dan hasil penyelidikan yang memacu kecemerlangan institusi dan pelajar melalui pemerkasaan bidang tujuhan	Strategik: Melestarikan ekosistem penyelidikan dan inovasi. Memenuhi keperluan: e. PPPM (PT) ⇒ Lonjakan 7: Ekosistem Inovasi f. APACC ⇒ <i>Criterion iv: Research & Development</i> g. MQA ⇒ <i>Area 6: Educational Resources</i> h. PERSIST ⇒ KPI 21 Bilangan kertas penyelidikan yang diterbitkan oleh warga Politeknik dan Kolej Komuniti pada tahun semasa ⇒ KPI 22 Bilangan produk inovasi yang diaplikasi (<i>solution provider</i>) pada tahun semasa

SULTAN HAJI AHMAD SHAH



**Agenda Pelan Strategik POLISAS 2021 - 2025
(Objektif, Strategi dan Program Tindakan)**

TERAS 1: MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

POLISAS sebagai sebuah institusi yang komited dalam pembangunan graduan TVET secara menyeluruh yang sentiasa mempergiatkan usaha untuk menawarkan pembangunan program pengajian berprestasi tinggi. Elemen pemantapan yang dapat membantu melahirkan graduan berprestasi tinggi adalah dengan mengadakan program berimpak tinggi kepada pelajar supaya dapat memberi peluang yang luas dalam melaksanakan kegiatan kemasyarakatan.

Kemahiran keusahawanan akan diterapkan dalam kurikulum untuk melahirkan minda pencipta kerja (*job creator*) di kalangan graduan. Komponen amali dalam kursus keusahawanan dan penekanan pendidikan usahawan bagi pelajar yang mengikuti bidang professional seperti kejuruteraan ditingkatkan. Atribut lain yang penting bagi pelajar seperti kecekapan bahasa, kemahiran kepimpinan, etika dan kerohanian akan diterapkan dalam kesemua kurikulum. Penyediaan prasarana yang lengkap di POLISAS, dapat meningkatkan keupayaan pelajar untuk menjadi graduan TVET yang berprestasi tinggi. Hal demikian dapat dicapai melalui enam strategi yang akan dijelaskan dengan terperinci.

